

Tema Hari Pengguna Sedunia 1996

Makanan Selamat Untuk Semua

Hari hak-hak pengguna sedunia ialah satu acara tahunan yang disambut oleh semua organisasi pengguna seluruh dunia pada setiap 15 Mac. Majlis ini memperingati saranan empat hak-hak pengguna oleh Presiden John F. Kennedy dari Amerika Syarikat pada 15 Mac 1962. Saranan ini kemudiannya telah diperakui oleh Kerajaan-kerajaan lain serta menghasilkan "Guidelines for Consumer Protection" oleh United Nations pada tahun 1985.

Dengan perkembangan kepenggunaan, Kerajaan-kerajaan telah memperakui bahawa setiap pengguna, tidak kira pendapatan atau taraf sosial mempunyai hak-hak tertentu. Hak-hak ini telah ditambah pada masa yang lepas dan sekarang merangkumi lapan (8) hak iaitu:

- Hak untuk mendapat keperluan asas;
- Hak untuk membuat pilihan;
- Hak untuk mendapatkan maklumat;
- Hak untuk mendapatkan gantirugi;
- Hak untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang selamat;
- Hak untuk menyuarakan pendapat;
- Hak untuk mendapat pendidikan pengguna; dan
- Hak untuk hidup dalam alam sekitar yang menjamin kesihatan.

Hari hak-hak pengguna sedunia juga disambut oleh Kerajaan Malaysia.

Tema yang dipilih oleh *Consumers International* pada tahun ini iaitu "Makanan Selamat Untuk Semua" adalah tepat sekali kerana makanan ialah bahan keperluan asas untuk kehidupan pengguna yang terangkum di bawah hak yang pertama.

Perkara yang seringkali dibangkitkan berkaitan dengan makanan ialah makanan yang berkhasiat, standard keselamatannya, kualiti, harga, pengiklanan dan kempen makanan bayi serta makanan ringan yang telah lama didedahkan kepada kita. Bagaimanapun, dengan adanya perkembangan sains dan teknologi yang



YB. Dato' Hj. Abu Hassan
Hj. Omar

kompleks menyebabkan makanan yang kita makan dan cara makanan yang dikeluarkan, diperkenalkan dan didagangkan telah berubah secara dramatik.

Keselamatan dan khasiat makanan turut menjadi persoalan utama pengguna. Perkara ini menjadi agenda perbincangan pengguna kerana kini pengguna amat prihatin dengan mutu kesihatan mereka. Walau bagaimanapun, para pengguna terlalu bergantung kepada maklumat yang tertera di label makanan. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan meningkatkan lagi usaha membuat pemeriksaan ke atas kedai-kedai, pasaraya dan gedung perniagaan bagi memastikan label makanan, minuman dan ubatan adalah betul serta tidak bertujuan mengeliru atau menipu para pengguna. Selain daripada itu, pihak Kementerian juga akan mewujudkan kerjasama dengan agensi-



Bersama Memelihara Alam Semulajadi

Saya merasa amat bangga di atas daya usaha yang telah dibuat oleh pihak penganjur kerana sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan tahu tempat ini adalah suatu kawasan rekreasi yang mendapat perhatian ramai, terutama di hari-hari cuti. Ini membuktikan sikap prihatin tuan-tuan dan puan-puan sebagai pelajar-pelajar terhadap keindahan alam sekitar dan kebajikan masyarakat umum.

Sebagai pelajar, tuan-tuan dan puan-puan tidak seharusnya mengasingkan diri dari dunia luar kerana ini akan lebih menyempitkan pandangan dan pemikiran serta jurang antara masyarakat kampus dengan masyarakat luar. Sebenarnya, pengalaman mengikuti kegiatan luar adalah suatu proses pembelajaran yang amat berharga yang tidak akan diperolehi di mana-mana sekolah atau universiti.

Selaras dengan saranan Kerajaan untuk menjadikan masyarakat negara sebagai masyarakat penyayang, badan-badan korporat dan agensi swasta seharusnya memberi pengiktirafan ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh pelajar demi kepentingan masyarakat umum dengan memberi bantuan membiayai aktiviti yang dijalankan oleh mereka.

Sebagaimana yang kita tahu, para pengunjung kawasan rekreasi adalah pengguna yang ingin menikmati keindahan alam semulajadi sambil berehat dan bersantai. Oleh itu, pengunjung sudah semestinya memerlukan perkhidmatan yang sewajarnya seperti bilik bertukar pakaian yang lengkap dan selesa, tandas awam yang bersih, tiada sampah sarap di merata tempat. Untuk menjadikan tempat rekreasi awam sentiasa dalam keadaan yang bersih dan selesa, semua pihak, iaitu pengguna, peniaga dan masyarakat setempat perlu saling bekerjasama untuk mengekalkan keindahan dan keselesaan di kawasan ini.

Pengguna perlu bersikap prihatin terhadap keindahan alam semulajadi dengan sentiasa menjaga kebersihan dan keindahan alam semulajadi tempat rekreasi. Buanglah sampah dan sisa makanan dalam tong sampah yang disediakan dan gunakanlah kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya.

Para peniaga di kawasan rekreasi juga sepatutnya turut memainkan peranan mereka dengan menjaga kebersihan dan menjalankan perniagaan dengan penuh kejujuran, tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan barang-barang jualan.

Dalam dunia perniagaan yang semakin kompleks, pengguna seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas dan daya pemikiran serta tindak balas yang proaktif agar tidak menjadi mangsa penyelewengan seperti barang tiruan dan penipuan timbangan.

Atas kesedaran inilah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menitikberatkan pendidikan pengguna sebagai satu strategi berkesan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.



YB. Encik Tan Chai Ho

Petikan Ucapan Setiausaha Parlimen Kementerian, YB. Encik Tan Chai Ho; dibacakan oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, KPND & HEP, Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi di Majlis Gotong Royong dan Pameran Hari Pengguna di Hutan Lipur, Sungai Tekala, Semenyih pada 24 Mac 1996.

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Penasihat Pengarang

Prof. Mohd Hamdan Adnan

Dr. Sothi S. Rachagan

Encik Bisan Singh Bahadur

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi

Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee

Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang
Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna,

Bahagian Hal Ehwal Pengguna,

Tingkat 23, Menara Maybank,

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur

Tel: 03-2329955

Fax: 03-2389558

MALAM MEDIA MASSA 1996

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) telah mengadakan Malam Media Massa 1996 pada 15 Mac 1996 di Hotel Hilton, Petaling Jaya. Majlis dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar. Turut hadir dalam majlis ialah Timbalan Menteri, YB. Dato' S Subramaniam, Setiausaha Parlimen YB. Encik Tan Chai Ho dan Ketua Setiausaha, Datuk Samsudin Osman.

Tujuan majlis diadakan ialah untuk meraikan dan menghargai sumbangan dan sokongan petugas-petugas daripada agensi-agensi media massa terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KPDN & HEP sepanjang tahun lalu. Majlis sedemikian diharapkan dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi kerjasama antara ahli-ahli media massa dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian.

Dalam ucapannya, Dato' Hj. Abu Hassan mengingatkan pihak media massa supaya berhati-hati dan berpandangan jauh dalam membuat sesuatu kesimpulan dan rumusan supaya mereka tidak terperangkap dengan nilai-nilai dan propaganda yang ditonjolkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan di luar negara, yang sentiasa cemburu dengan kemajuan yang



YB. Dato' Abu Hassan menyampaikan ucapan di Majlis Malam Media Massa 1996.

dicapai oleh negara.

Dalam majlis yang sama, individu serta organisasi yang telah memberi sumbangan positif kepada perkembangan kepenggunaan diberikan penganugerahan. Pemilihan para pemenang dibuat oleh satu Panel Penilaian yang diketuai oleh Pengerusi Institut Akhbar Malaysia, Dato' Mazlan Nordin. Di antara pemenang-pemenang anugerah sempena Majlis Malam Media Massa ialah:

- * **Wartawan Pengguna Terbaik 1995**
Esther Tan (*The New Straits Times*)
- * **Tayangan Isu Pengguna Semasa Terbaik (TV) 1995**
MHI (TV3)
- * **Program Pengguna Semasa Terbaik (TV) 1995**
Wawancara (*Radio Televisyen Malaysia*)
- * **DJ Radio Yang Berjiwa Pengguna Terbaik 1995**
Khalim Rohani (*Radio 1*)
- * **Penulis Artikel Pengguna Terbaik (Majalah) 1995**
Prof. Mohd. Hamdan Haji Adnan (FOMCA)
- * **Kartunis Pengguna Terbaik 1995**
Rosidi Semail (*The Sun*)
- * **Akhbar Pengguna Terbaik 1995**
The Sun



YB. Dato' Abu Hassan menyampaikan trofi Wartawan Pengguna Terbaik kepada Esther Tan (*The New Straits Times*) dengan diperhatikan oleh Ketua Setiausaha KPDN & HEP, Datuk Samsudin Osman.



MAKANAN YANG SELAMAT

Hak dan Tanggungjawab Pengguna

Makanan merupakan keperluan asasi harian manusia. Dalam usaha memenuhi keperluan ini pengguna menghadapi pelbagai masalah. Makanan yang selamat belum tentu selamat. Selamat dalam erti kata seperti bekalan yang tidak mencukupi, harga yang tinggi, mutu yang rendah, tamat tempoh boleh guna, bahan pengawet dan tambahan dalam makanan, pemasaran makanan yang tidak berkhasiat, kurang timbangan/sukat, makanan beracun dan maklumat yang tidak lengkap. Sebagai pengguna, mereka haruslah sedar dan prihatin apakah hak dan tanggungjawab mereka yang berkaitan dengan makanan.

Oleh itu, pengguna harus mengetahui apakah undang-undang yang berkaitan dengan makanan. Ini membolehkan mereka untuk menuntut supaya makanan dijual dengan harga yang berpatutan, selamat dan mencukupi.

Sebagai panduan kepada pengguna, di bawah ini terdapat beberapa panduan yang boleh digunakan oleh pengguna dalam menangani isu-isu mengenai makanan.

Hak Sebagai Pengguna

✓ Pengguna berhak untuk mendapat bekalan makanan

yang berterusan dengan harga yang berpatutan. Justeru itu, amalan perdagangan tidak sihat seperti monopoli, pasaran gelap, spekulasi, manipulasi untuk mewujudkan kekurangan bekalan yang disengajakan dan hanya mementingkan keuntungan dianggap sebagai kesalahan utama dalam perniagaan.


✓ Pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai perihai dan mutu barang makanan yang mereka beli. Maklumat-maklumat palsu yang diberi merupakan penipuan dan boleh dikenakan hukuman.

Sehubungan itu, pengguna mempunyai hak untuk:

✓ Bertanya mengenai kebaikan makanan yang ditawarkan untuk kegunaan atau pembelian.

✓ Memperolehi maklumat yang boleh membantu pengguna memenuhi keperluan makanan mereka. Peniaga-peniaga tidak boleh merahsiakan maklumat-maklumat mengenai barangan yang mereka jual.

✓ Pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan bekalan makanan yang berkualiti untuk



Buah-buahan dan sayur-sayuran: Pengguna berhak mendapat makanan yang bersih dari segi penyediaan dan pembungkusan.

keperluan pemakanan dan kesihatan mereka.

✓ Pengguna mempunyai hak untuk bebas memilih dan membuat keputusan tanpa dipengaruhi bagi menentukan corak perbelanjaan dalam memenuhi keperluan makanan mereka.

✓ Pengguna juga mempunyai hak mendapat makanan yang bersih dari segi penyediaan dan pembungkusan.

✓ Pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan dari dibekalkan dengan barang-barang yang salah diperihalkan.

✓ Pengguna mempunyai hak terhadap harga yang berpatutan.

Tanggungjawab sebagai pengguna

□ Pengguna mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa mengetahui dengan tepat tentang makanan dan pemakanan, termasuk peraturan-peraturan mengenainya.



Menjamu selera. Pilihlah gerai atau kedai makan yang bersih dan persekitaran yang 'sihat.'

□ Pengusaha wajar bertanggungjawab untuk sentiasa berhati-hati dan memerhati amalan-amalan yang boleh memudaratkan pengguna di dalam pengendalian penjualan makanan atau menyuarakan hak mereka seperti yang diperuntukkan undang-undang.

□ Pengguna yang bijak bertanggungjawab untuk sentiasa menyuarakan dengan terus terang mengenai sesuatu yang diketahui tentang amalan-amalan penyediaan dan penjualan makanan yang boleh membahayakan atau menjejaskan

kebijakan pengguna bagi mendapat ganti rugi.

Cara Untuk Mengamalkan Tabiat Pemakanan yang Baik

• Makan makanan semulajadi, segar, dan makanan organik (kurang mengandungi bahan-bahan kimia).

• Memastikan penyediaan pemakanan dan persekitaran yang bersih.

• Pilih makanan keluaran tempatan kerana ia lebih murah dan menjimatkan.

• Beli secara pukal makanan yang tidak mudah rosak.

• Kurangkan makanan yang diproses. Ia mengandungi ramuan yang tersembunyi seperti gula, garam dan pewarna. Terlalu banyak garam dan gula boleh menjejaskan kesihatan.

• Makan mengikut keperluan dan BUKAN perasaan.

• Tentukan bahawa pemakanan anda adalah sentiasa seimbang dan berkhasiat.

• Beli makanan masak di gerai atau kedai yang dikendali secara selamat daripada dihinggapi lalat, habuk atau dipegang dengan tangan kotor.

Makanan yang Selamat

Sejauh mana anda ketahui dan teliti perkara-perkara berikut:

- ✓ Tarikh luput makanan;
- ✓ Ramuan yang digunakan dalam makanan;
- ✓ Kebersihan penyediaan dan pembungkusan makanan;
- ✓ Khasiat makanan yang dimakan;
- ✓ Harga makanan yang berpatutan;
- ✓ Bekalan makanan yang mencukupi
- ✓ Makanan selamat daripada dihinggapi lalat atau dicemari habuk yang mungkin mengandungi bahan beracun.

Hutan Lipur Sungai Tekala, Semenyih

Gotong Royong dan Pameran Kepenggunaan

Siswa-siswi Kajian Luar Kampus, Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi MARA dengan kerjasama Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) telah menganjurkan Program Gotong-royong dan Pameran Kepenggunaan di Hutan Lipur Sungai Tekala, Semenyih, Selangor sempena Hari Pengguna Sedunia pada 24 Mac lalu.

Menurut Pengerusi Program tersebut, Encik Mohd. Asri Hj. Mansur, objektif program berkenaan adalah seperti berikut:

- Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat umum khususnya masyarakat luar bandar mengenai isu-isu kepenggunaan.



Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, KPDN & HEP, Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi, menanam pokok sebagai tanda kenangan sempena program Gotong Royong di Hutan Lipur Sungai Tekala, Semenyih.

- Mendedahkan mereka kepada hak-hak dan tanggungjawab pengguna.

- Mempertingkatkan kesedaran bersama ke arah menghargai dan menjaga alam sekitar.

Katanya lagi, adalah diharapkan program seumpama itu dapat menjadi jambatan kesedaran kepada masyarakat tentang hal ehwal kepenggunaan dan rasa cinta terhadap alam semulajadi.

Program tersebut dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP), Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi yang mewakili Setiausaha Parlimen Kementerian, YB. Encik Tan Chai Ho.

Dalam teks ucapan YB. Encik Tan Chai Ho yang dibacakan oleh Encik Mohamed Iqbal, beliau menyanjung tinggi usaha yang dijalankan oleh siswa-siswi Kajian Sebaran Am, ITM dengan kerjasama FOMCA.

Beliau berharap dengan usaha-usaha sedemikian, ia dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap isu-isu kepenggunaan dan pemeliharaan alam sekitar di samping memenuhi kegiatan para pelajar dalam hal ehwal kepenggunaan.

Menurutnya, Kerajaan, khususnya KPDN dan HEP sentiasa mengalu-alu dan menggalakkan sebarang usaha dan kegiatan yang boleh mendidik para pengguna ke arah menjadi masyarakat pengguna yang bermaklumat dan berwawasan. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk menyaksikan kesedaran dan kepekaan pengguna sentiasa pada tahap yang membanggakan.

Program tersebut turut melibatkan penduduk setempat yang terdiri daripada orang-orang Asli dan penduduk kampung serta para pelajar Kajian Sebaran Am, ITM Shah Alam yang berjumlah kira-kira 100 orang.

Turut hadir ialah Presiden FOMCA, Prof. Mohd Hamdan Adnan dan para pegawai serta kakitangan Pejabat Daerah Semenyih, ketua-ketua kampung dan penghulu.

Program tersebut juga dimeriahkan lagi dengan **c e r a m a h** mengenai alam sekitar oleh penceramah dari Jabatan Alam Sekitar.

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

Mengelak Keracunan Makanan

Kita semua terdedah kepada keracunan makanan jika tersilap atau tersalah makan makanan yang 'beracun'. Justeru itu, untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada, para pengguna sewajarnya mengetahui dan memahami perkara-perkara berikut:

Apakah keadaan yang menggalakkan bakteria (kuman) mencemari makanan?

- * makanan yang mentah
- * apabila makanan seperti daging, ayam, ikan dan sebagainya tidak disimpan di tempat yang cukup dingin.
- * makanan beku yang dibiarkan 'cair' dalam suasana yang panas untuk terlalu lama.
- * makanan dalam tin yang terdedah kepada haba yang tinggi selepas dibuka.
- * makanan yang basah dan berair yang ditinggal di tempat yang panas.
- * makanan seperti buah-buahan serta sayur-sayuran yang tidak dibasuh secukupnya.
- * makanan yang tercemar semasa dimasak atau dibungkus.
- * tidak menyimpan dengan serta-merta makanan yang dibeli, misalnya selepas balik dari pasar.

Apakah tanda-tanda keracunan makanan?

Umumnya, ini termasuk rasa mual, muntah-muntah, cirit-birit (diarea), pening-pening serta gangguan perut. Ada juga yang lebih serius, yang mana ia melibatkan keracunan sistem saraf. Keadaan ini lebih berbahaya bagi kanak-kanak.

Tanda-tanda khusus walau bagaimanapun, bergantung kepada jenis kuman dan penyakit yang terlibat.

Bagaimana untuk mengelakkan daripada mengalami keracunan makanan?

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyorkan:

- ▶ Membasuh tangan dengan teliti sebelum mula menyediakan atau mengendalikan makanan;
- ▶ Mengasingkan makanan yang telah dimasak daripada makanan yang belum dimasak atau yang

mentah. Ini kerana makanan yang telah dimasak lebih mudah tercemar berbanding dengan makanan yang belum dimasak;

▶ Pilih makanan yang telah diproses (atau dimasak) untuk menjaga keselamatan. Banyak makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran agak selamat dalam keadaan semulajadinya.



Makanan yang dibiarkan terdedah mudah dijangkiti kuman.

Yang selainnya mungkin tidak begitu selamat jika tidak diproses.

▶ Masak makanan dengan teliti kerana banyak makanan mentah tercemar dengan 'kuman' membawa penyakit. Contohnya, daging dan susu.

▶ Makan makanan yang telah dimasak serta-merta. Apabila makanan telah sejuk, 'kuman' lebih mudah mencemarinya. Lebih lama dibiarkan, lebih tinggi risikonya.

▶ Simpan makanan yang telah dimasak dengan cermat dalam keadaan yang sesuai - panas atau dingin.

▶ Panaskan semula makanan dengan teliti. Ini adalah cara yang paling baik untuk menjauhi 'kuman' yang mungkin muncul semasa dalam simpanan.

▶ Jaga kebersihan dapur seta permukaan masak.

Dipetik daripada
PENAWARACUN Bil. 3, Jun 1995,
terbitan Pusat Racun Negara,
Universiti Sains Malaysia.

agensi lain seperti Kementerian Pertanian dan majlis-majlis tempatan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan pengguna dari segi makanan selamat sentiasa terjamin.

Dewasa ini, seluruh pengguna tidak kira di mana sahaja mereka berada, iaitu di luar bandar atau bandar terdedah kepada iklan makanan dan teknik pemasaran barat. Akibat pengaruh iklan, ramai pengguna memilih untuk membelanjakan wang kepada gaya makanan barat dan bukan makanan tradisi. Kebanyakan makanan barat yang baru diperkenalkan di pasaran adalah mahal berbanding dengan makanan tempatan. Ini telah mewujudkan satu budaya antara kalangan pemuda pemudi yang gemar kepada makanan "Fast Food" yang nyata mengandungi bahan-bahan yang kurang berkhasiat.

Oleh kerana makanan merupakan bahan asas

untuk kesihatan dan kehidupan, maka saya harap perkara ini dapat dianalisa daripada semua aspek, iaitu daripada "Production kepada Consumption" termasuk isu-isu yang berkaitannya seperti alam sekitar, kesihatan dan perdagangan.

Isu utama yang perlu diberi perhatian ialah 'Keselamatan Makanan' yakni "How safe is the food we eat". Ini adalah penting kerana pada masa ini makanan juga dihasilkan oleh badan-badan korporat secara besar-besaran dengan menggunakan bahan-bahan kimia yang mungkin memudaratkan kesihatan pengguna.

Petikan Ucapan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar; dibacakan oleh Timbalan Menteri, YB. Dato' S. Subramaniam di Majlis Pembukaan Forum Awam "Makanan Selamat Untuk Semua" pada 15 Mac 1996.

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888
 Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555
 Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Perlis

Kangar: 04-9761478

Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

Pulau Pinang

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

Wilayah Persekutuan

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

N. Sembilan

Seremban: 06-730372

Melaka

Melaka: 06-2820422

Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

Pahang

Kuantan: 09-523892

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

Sabah

K. Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

